

11 NOV 1997

APEC HARUS HARGAI PELBAGAI PERINGKAT PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata menyatakan anggota Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) terutamanya negara yang kaya dan berkuasa haruslah menghargai pelbagai peringkat pembangunan ekonomi di kalangan mereka.

"Saya rasa adalah penting bagi negara anggota Apec yang lebih kaya dan berkuasa menghargai masalah-masalah negara miskin...tidak semua anggota mempunyai tahap pembangunan yang sama," katanya.

"Apec sepatutnya tidak terlalu terikat dan anggotanya harus mempunyai perasaan simpati," katanya apabila ditanya mengenai aspirasinya terhadap sidang kemuncak kelima forum yang akan diadakan di Vancouver, Kanada pada 24 Nov ini.

Bercakap kepada pemberita selepas sesi soal jawab di persidangan "Global Panel Kuala Lumpur 1997" di sini hari ini, beliau berkata: "Tiada satu negarapun yang boleh mendakwa perkara buruk berlaku berpunca daripada kuasa pasaran."

"...bagaimanapun negara-negara mesti faham kuasa pasaran berfungsi berbanding minat berjuta-juta orang," katanya.

Apabila ditanya apa yang akan dibangkitkan oleh Malaysia dalam persidangan Apec itu, beliau berkata: "Apa sahaja yang terlintas di fikiran saya mengenai perdagangan mata wang...dan sama ada saya boleh atau tidak menyakinkan rakyat..saya tidak tahu."

"Ini adalah kerana negara-negara berkuasa tidak menerima kesan teruk oleh manipulasi mata wang tetapi negara seperti kita mudah dipengaruhi," katanya.

Mengenai langkah-langkah untuk meliberasasikan sektor perkhidmatan kewangan dan sama ada Malaysia menolak pembukaan sektor itu menjelang tahun 2004 di bawah peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), katanya, "kami harus memikirkannya dengan berhati-hati".

"Kita mesti menimbang idea pembukaan pasaran yang berbentuk persejagatan, kelonggaran syarat dan liberalisasi yang wujud dalam banyak cara dan kebanyakannya memberi faedah kepada ekonomi-ekonomi besar," kata Dr Mahathir.

Terdapat gesaan, sebagai contohnya, bagi membenarkan bank-bank asing mendapat hak yang sama seperti bank tempatan, katanya.

"Bagaimanapun, jika perkara ini dibenarkan di Malaysia, akhirnya bank tempatan terpaksa bergabung atau diserap oleh bank asing.

Beliau menambah: "mungkin satu hari nanti, kita tidak akan mempunyai bank sendiri dan akan kehilangan pengawalan dasar sendiri.

"Jika semua bank di Malaysia dimiliki oleh pihak asing, kita berada dalam keadaan bahaya," katanya. -- BERNAMA

AD ZK MA